

BAB DUA

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A 511791958

BAB KEDUA

AKHLAK DAN PERANANNYA DALAM MEMBENTUK PERIBADI MUSLIM

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang sempurna. Ini dapat dibuktikan kerana pengajaran di dalamnya merangkumi semua bentuk aspek kehidupan manusia daripada sekecil-kecil perkara hingga kepada sebesar-besarkan perkara. Apabila Islam itu merangkumi keseluruhan cara hidup manusia maka sesualah Islam itu sendiri dikenali sebagai *Way of Life* yang melengkapi keseluruhan cara hidup manusia.

Beramal dengan akhlak yang mulia ataupun akhlak Islam merupakan sebahagian daripada matlamat utama risalah yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.) Ianya amat bertepatan dengan apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah (s.a.w.) yang berbunyi :

أَنَا بَعْثَتُ لِأَقْمَمَ مَكَارِمَ الْأَحْلَاقِ

Maksudnya :

“ Sesungguhnya Aku (Muhammad) diutus untuk menyempurnakan keluhuran akhlak”¹

(Hadis riwayat Ahmad dan lain-lain)

Daripada hadis ini jelas membuktikan kepada kita bahawa akhlak juga merupakan sebahagian daripada *elemen* yang terpenting di dalam Islam kerana ianya adalah di antara tugas utama yang telah diamanahkan kepada nabi Muhammad (s.a.w.).

2.1 PENGERTIAN AKHLAK

Terdapat berbagai pengertian ataupun definasi yang telah diberikan oleh pakar bahasa dalam memberikan makna akhlak. Oleh kerana penulisan ini berkisar kepada perkara yang berkaitan dengan akhlak, maka penulis akan cuba memberikan sebanyak mungkin definasi ataupun pengertian akhlak sebagaimana yang telah diberikan pandangan oleh mereka yang mempunyai kemampuan dalam memberikan pentakrifan terhadap sesuatu perkataan.

Menurut *Kamus Dewan* cetakan ketiga, akhlak diterjemahkan sebagai budi pekerti, kelakuan, tabiat atau watak dengan erti kata lain ialah kelakuan atau tingkah laku manusia.² Makna yang hampir sama juga telah diberikan oleh Joyce M. Hawkins di dalam kamusnya *Dwi Bahasa Oxford Fajar* dengan menyatakan akhlak itu ialah kelakuan³. *Kamus Melayu Global* pula menakrifkan akhlak sebagai budi pekerti, akhlak dan tabiat.⁴ Haji Zainal Abidin Safarwan telah memberikan makna yang lebih padat lagi iaitu dengan menyatakan bahawa akhlak itu ialah budi pekerti, kelakuan, tabiat, susila, watak dan perangai.⁵ Pandangan demi pandangan telah diberikan oleh pakar bahasa dalam menterjemahkan makna akhlak. Yang Kasim di dalam kamusnya *Minerva Kamus Dwi Bahasa* pula menterjemahkan akhlak sebagai kelakuan, tabiat, dan watak

peribadi.⁶ Manakala Arbak Oghman pula menterjemahkan sebagai kelakuan, tingkah laku yang baik, budi pekerti dan moral.⁷

Dari segi istilah pula ianya diterjemahkan sebagai sumber dari segala perbuatan yang sewajarnya yakni yang tidak dibuat-buat atau dipaksa dan perbuatan yang dapat dilihat itu sebenarnya merupakan gambaran dari sifat-sifat yang tertanam dalam jiwa.⁸

Di dalam kamus *Lisān al-‘Arab* pula menyatakan bahawa makna akhlak itu diambil daripada perkataan *khuluq* yang bermaksud budi pekerti, tingkah laku dan tabiaat. Akhlak berasal dari kata terbitan *khalqun* yang bermaksud kejadian. Ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan *khāliq* yang bermaksud pencipta dan makhluk yang bermaksud yang dicipta. Ini membuktikan bahawa antara akhlak, *khāliq* dan makhluk sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain.⁹ Ianya juga diterjemahkan sebagai kebiasaan, tabiat, adat, maruah dan agama atau ringkasnya gambaran batin seseorang.¹⁰ Akhlak juga bermaksud sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan darinya terbentuk perbuatan baik atau buruk tanpa perlu kepada pertimbangan fikiran terlebih dahulu.¹¹ Mengikut pandangan Dr. ‘Umar Muhammad beliau menterjemahkan akhlak sebagai kebiasaan atau sikap yang mendalam dalam jiwa yang boleh melahirkan perbuatan dengan mudah dan cepat.¹²

Akhlak juga boleh diterjemahkan sebagai perbuatan-perbuatan yang lahir dari dalam jiwa secara spontan sama ada baik atau buruk di mana perbuatan ini adalah hasil asuhan atau pendidikan yang diterima oleh seseorang.¹³ Bagi melihat

kecantikan dan keindahan akhlak yang ada pada diri setiap individu maka penglihatan tersebut perlulah dinilai dari sudut luaran dan dalaman. Kecantikan akhlak luaran mungkin boleh dilakukan dengan menunjukkan tatasusila yang baik di hadapan manusia lain. Namun kecantikan akhlak yang berada di dalam jiwa seseorang tiada siapa yang boleh mengetahuinya. Kerana itulah dalam membicarakan perkara yang berkaitan dengan akhlak maka ianya perlu dinilai daripada dua aspek tersebut iaitu luaran dan dalaman. Aspek luaran apa yang disebut sebagai *al-khalaq* yang bermaksud kecantikan fizikal yang dapat dilihat dengan pancaindera seperti berkulit putih, berhidung mancung dan sebagainya, manakala aspek dalaman pula apa yang disebut sebagai *al-khuluq* yang bermaksud kecantikan dalaman iaitu kecantikan akhlak peribadi seseorang.¹⁴

Namun demikian ramai di kalangan manusia hari ini lebih mementingkan kepada kecantikan lahiriah semata-mata. Perkara yang sedemikian berlaku adalah kerana manusia sendiri yang menjadikan akal fikiran manusia semata-mata sebagai landasan untuk menentukan sesuatu hukum. Akal pula kebiasaan akan cenderung kepada kehendak hawa nafsu sekiranya ia tidak dibimbang dengan petunjuk wahyu. Akibat daripada tunduk dengan kehendak hawa nafsu maka terjadilah perkara-perkara yang tidak diingini. Contohnya perkara paling utama yang akan dinilai untuk memilih calun isteri ialah gadis-gadis yang memiliki rupa paras yang cantik walaupun mereka mengalami masalah ketandusan akhlak yang serius.

Islam telah memberikan jalan yang sempurna dalam mengimbangi keindahan akhlak luaran dan dalaman. Walaupun Islam mengakui akan keperluan

keindahan dan kecantikan akhlak luaran dan dalaman, namun Islam telah meletakkan keindahan dalaman itu mengatasi keindahan luaran. Ini sudah pastilah bertentangan dengan kehendak nafsu manusia. Kenapa Islam melebihkan keindahan akhlak *nafsanī* (dalaman) daripada kecantikan jasmani (luaran)? ini adalah kerana keindahan akhlak *nafsanī* merupakan keindahan yang kekal abadi selepas mati insan (jasmaninya). Sejauhmana bentuk keindahan dan kesempurnaan insan yang telah dapat dibentuknya semasa hidupnya di dunia maka sejauh itulah keindahan dan kecantikan serta kesempurnaannya sewaktu dibangkitkan semula dalam rangka insan jasmaninya yang baru setimpal dengan keindahan insan *nafsaninya* semasa di dunia dahulu.¹⁵ Sedangkan keindahan jasmani yang tidak disertai dengan keindahan akhlak *nafsanī* kalau silap perhitungannya akan menyebabkan seseorang itu akan merana di dunia dan akhirat.

Daripada makna akhlak yang berbagai-bagai di atas maka kita dapat nyatakan di sini bahawa sebenarnya akhlak itu adalah serumpun sifat atau nilai yang telah sebatи dalam diri manusia dan ianya dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :¹⁶

- a. Akhlak Baik.
- b. Akhlak Buruk.

Dari dua pembahagian di atas kita dapat lihat sebenarnya akhlak itu adalah satu sikap yang melekat dalam jiwa seseorang yang bakal melahirkan perbuatan berdasarkan kemahuhan dan pilihan, baik dan buruk serta terpuji dan tercela.¹⁷ Jika akhlak yang ditonjolkan oleh individu tersebut bertepatan sebagaimana yang

dikehendaki oleh Islam maka itulah yang diajarkan oleh syariat. Begitulah sebaliknya jika seseorang itu beramal dengan akhlak yang tercela maka pada ketika itu ianya sedang beramal dengan amalan yang bercanggah dengan syariat. Maka di sini terpulanglah kepada individu terbabit untuk meletakkan diri mereka berada di neraca yang dipilih oleh mereka sendiri.

Namun demikian perkara yang menjadi neraca untuk membezakan di antara akhlak baik dengan akhlak buruk mestilah bersandarkan kepada ketetapan yang termaktub dalam al-Qurān dan Sunnah Rasulullah (s.a.w.). Akal manusia semata-mata tidak mampu untuk memberikan pertimbangan yang benar-benar adil dalam menentukan baik buruknya sesuatu perkara. Ini adalah kerana akal manusia biasanya akan terdorong dengan kehendak hawa nafsu. Kerana itu ianya mestilah dinilai berdasarkan kepada ketetapan yang diberi oleh al-Qurān dan al-Sunnah.¹⁸

2.2 PERBEZAAN DI ANTARA AKHLAK ISLAM DAN MORAL BARAT

Secara umumnya dapat diketahui bahawa naluri manusia itu pada dasarnya adalah berhajat kepada kebaikan. Ini adalah kerana manusia sendiri telah dicipta oleh Allah (s.w.t.) dengan satu perintah yang paling utama iaitu supaya mereka mengabdikan diri kepadaNya. Bertitik tolak daripada inilah maka manusia sewajarnya menjadi manusia yang baik peradabannya samada ketika mengadap tuhannya ataupun ketika bermuamalah sesama manusia. Namun untuk menjadi manusia yang baik dan beretika di dalam kehidupan terdapat sedikit perbezaan dalam mendefinisikan apakah itu kebaikan dan apakah itu keburukan.

Sesuatu perkara itu kadang -kala dianggap baik mengikut pemikiran akal manusia tetapi dianggap tidak bermoral mengikut perkiraan agama.¹⁹ Kerana itulah dalam menentukan baik dan buruknya sesuatu perkara itu ianya perlu dikembalikan kepada perkiraan agama agar ianya selaras dengan kehendak agama.

Di sini penulis akan memberikan beberapa perbezaan di antara akhlak Islam dengan etika ataupun moral agar kita dapat membuat perbandingan apabila berlakunya kecaburan dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu perbuatan tersebut. Secara umumnya perbezaan yang ketara di antara akhlak Islam dengan moral barat ataupun etika itu dapat dibahagikan kepada beberapa fakta utama antaranya ialah :

- a. Akhlak mempunyai daya kekudusannya.²⁰ Apa yang dimaksudkan di sini ialah akhlak yang dianuti oleh pengamalnya akan memberikan kesan di dalam kehidupannya. Sekiranya dia tidak beramal dengan akhlak tersebut maka dia akan merasakan kekurangan di dalam menjalani kehidupan seharian. Begitulah juga sebaliknya jika dia membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan akhlak tersebut maka dia sentiasa merasa resah gelisah kerana perbuatannya bercanggah dengan kehendak syariat. Kesemua ini boleh berlaku disebabkan kekudusan akhlak tersebut yang menjadi pengawal kepada aktiviti hariannya. Ini adalah amat berbeza dengan etika ataupun moral kerana prinsip yang diguna pakai dalam menentukan kebaikan dan keburukan itu hanyalah bersandarkan kepada perlakuan anggota masyarakat dalam

hubungan sesama mereka yang ditentukan nilainya oleh masyarakat itu sendiri berdasarkan kepada pemikiran dan perasaan umum yang terdapat pada satu-satu masa. Ianya bersifat sementara dan akan berubah-ubah mengikut kesesuaian pemikiran masyarakat setempat.²¹

Penulis ingin membawa contoh yang paling mudah bagi membezakan di antara akhlak dengan moral ialah dalam masalah meminum arak. Meminum arak dianggap perkara yang tidak menyalahi etika ataupun moral di barat kerana ianya telah menjadi minuman harian masyarakat di sana. Tetapi ianya dianggap perbuatan yang tidak bermoral di sisi Islam kerana ianya amat bercanggah dengan akhlak Islam yang mengharamkan segala bentuk jenis minuman keras kerana perbuatan tersebut bertentangan dengan kehendak agama.

- b. Akhlak Islam bersumberkan kepada wahyu Ilahi dan Sunnah nabi. Apabila akhlak Islam itu bersumberkan kepada dua sumber utama tersebut maka segala perbuatan ataupun tingkahlaku yang menyalahi dua sumber tersebut dianggap tidak baik dan tidak berakhlek. Hubungan akhlak Islam dengan pentauhidan terhadap Allah (s.w.t.) sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat kerana segala tingkahlaku perbuatannya samada sembahyangnya, ibadatnya, hidupnya dan matinya adalah semata-mata kerana Allah Tuhan Maha Agung yang menjadi pentadbir seluruh alam.²²

Perbezaan ini amat ketara dengan prinsip yang terdapat di dalam etika ataupun moral yang menjadikan akal manusia sebagai sumber utama di dalam menghukum sesuatu perbuatan walaupun perbuatan tersebut bercanggah dengan Islam.²³

- c. Akhlak Islam bersumberkan kepada kerabbanian dari langit²⁴ dengan maksud bahawa tarbiyyah akhlak yang sempurna itu mestilah datangnya daripada penciptaNya yang Maha Mengetahui akan kehidupan hambaNya manakala etika ataupun moral itu hanyalah bersumberkan kepada kemanusiaan dari bumi yang sudah pasti terdapat banyak kelemahan disebabkan keterbatasan akal manusia dalam menyelami kehidupan di dunia di samping terpengaruh dengan hawa nafsu yang selalu terdorong untuk melakukan maksiat terhadap penciptaNya.

Setelah penulis mendatangkan perbezaan di antara akhlak Islam dengan etika ataupun moral maka kesimpulan yang boleh dibuat oleh penulis ialah sebenarnya akhlak itu adalah sebahagian daripada agama. Ini berbeza dengan pemahaman moral sebagaimana yang difahami di barat kerana bagi mereka moral tidak ada kaitan dengan agama, malah agama itu kadang-kadang diletakkan di bawah moral.²⁵

Di dalam Islam pula akhlak memainkan peranan yang begitu besar dalam konteks untuk mendidik jiwa manusia. Kerana itulah dalam menyusun kehidupan manusia agar ianya sejajar dengan kehendak agama maka Islam telah

menggariskan beberapa pedoman dan ianya wajar dijadikan sebagai landasan di dalam kehidupan. Sebagai manusia muslim dan mukmin, berakhlak dengan Allah (s.w.t.) merupakan perkara yang mesti menjadi amalan di dalam kehidupan seharian. Penulis amat tertarik dengan apa yang telah disarankan oleh Haya Mubārak di dalam bukunya ketika membicarakan keperluan berakhlak dengan Allah (s.w.t.). Beliau telah meletakkan beberapa saranan yang boleh untuk diikuti bagi merealisasikan apa yang disebut sebagai berakhlak terhadap Allah (s.w.t.) antaranya ialah :²⁶

- a. Mengabdikan diri hanya kepada Allah tidak mempersekutukannya dalam keadaan mana sekalipun.
- b. Tunduk dan patuh kepada ketentuan Allah yang tidak akan berubah.
- c. Berserah diri kepada ketentuan Allah.
- d. Bersyukur atas semua nikmat yang diberikan oleh Allah yang tidak terhitung jumlahnya.
- e. Ikhlas dan redha menerima keputusan Allah setelah berusaha dan bertawakal.

2.3 AKHLAK MENURUT PERSPEKTIF IMAM AL-GHAZĀLĪ

Imam al-Ghazālī mempunyai pandangannya yang tersendiri dalam membicarakan perkara yang berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan akhlak itu ialah kelakuan yang meresap dalam jiwa manusia dan dengan perlakuan inilah akan melahirkan satu tindakan dan kelakuan dengan senang dan mudah tanpa memerlukan kepada pemikiran dan pertimbangan.²⁷ Sekiranya perbuatan yang dizahirkan adalah cantik dan terpuji serta ianya bertepatan dengan kehendak akal dan syarak maka ianya dinamakan sebagai akhlak yang baik. Begitulah sebaliknya sekiranya ia melahirkan daripada perbuatan tersebut perkara yang jahat dan tercela maka ianya dinamakan akhlak yang jahat. Ini bermaksud bahawa akhlak itu adalah semata-mata bentuk perlakuan hasil daripada manifestasi dan dorongan jiwa manusia.²⁸

Seterusnya beliau menyatakan bahawa akhlak bukanlah pengetahuan atau kebolehan melakukan sesuatu dan bukan juga baik atau buruk itu sendiri, tetapi hakikatnya akhlak itu ialah keadaan kejiwaan seseorang sebagai daya penggerak kepada wujudnya satu-satu tingkah laku dan perbuatan seseorang itu. Gerak jiwa inilah yang telah melahirkan perbuatan baik yang boleh diterima oleh syarak dan akal atau perbuatan jahat yang dinamakan sebagai akhlak buruk.²⁹ Di dalam usaha untuk menjadi manusia yang berakhlaq mulia maka sewajarnyalah manusia itu berusaha untuk mencari sebab-sebab yang boleh membawa kebaikan kepada akhlak mereka. Ini adalah kerana jika akhlak individu tersebut tidak dapat untuk menerima perubahan daripada keburukan kepada kebaikan maka tentulah tiada gunanya

peringatan yang kita dituntut untuk menyampaikannya atau nasihat menasihati di antara satu sama lain yang menyuruh melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Sudah pastilah semuanya ini akan menjadi suatu perkara yang sia-sia.³⁰

Penulis berpandangan bahawa ketika Imam al-Ghazālī memberikan takrifan berkenaan dengan akhlak beliau banyak menjuruskan matlamatnya berdasarkan kepada usaha-usaha untuk membentuk jiwa dan mengembalikan fitrah manusia kepada apa yang digariskan oleh syariāt Islam sebagaimana yang telah dilalui oleh ahli-ahli mukāsyafah dan ahli tasawwuf serta apa yang pernah dilakukan oleh para nabi sebelum daripada itu. Sebab itulah kita dapat melihat apabila beliau membicarakan masalah akhlak maka sudah pasti beliau akan mengambil pandangan-pandangan daripada ahli tasawwuf yang lain seperti al-Wāsiti, Syah al-Karmāni, Abū Usmān dan lain-lain.³¹ Imam al-Ghazālī juga telah membahagikan kecantikan itu kepada dua bahagian, pertama kecantikan luaran dan kedua kecantikan dalaman. Kecantikan luaran disebut sebagai *khalqun* manakala kecantikan dalaman disebut sebagai *khuluqun*.³² Kedua-dua kecantikan tersebut perlulah berjalan serentak. Namun demikian menurut pandangan beliau kecantikan dalaman perlulah diberikan keutamaan melebihi daripada kecantikan luaran.³³ Ini adalah kerana ianya bertepatan dengan firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi :

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِنْ طِينٍ
فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ وَسَجَدُوا

Maksudnya :

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: "Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah. Maka apabila telah Aku sempurnakan kejadiannya dan Aku tiupkan kepadanya roh (ciptaan) Aku maka hendaklah kamu tersungkur dengan bersujud kepadaNya".

Mengikut pandangan Imam al-Ghazālī ayat ini menjadi bukti bahawa kecantikan dalaman itu lebih penting daripada kecantikan luaran. Ini adalah kerana di dalam ayat tersebut Allah (s.w.t.) mengaitkan kejadian luaran manusia dengan tanah. Manakala kejadian dalaman pula dikaitkan dengan roh Allah (s.w.t.).³⁴ Maka di sini sudah pastilah ianya menjadi keutamaan kerana jasad manusia akan hancur apabila sampai masanya, manakala roh pula akan dipertanggungjawabkan terhadap segala perbuatannya pada hari akhirat kelak.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa dalam usaha untuk memperolehi kesempurnaan akhlak Islam maka empat perkara pokok mestilah ada di dalam diri individu tersebut. Di antara perkara yang perlu diberikan penekanan untuk mencapai maksud tersebut ialah³⁵ :

- a. Hikmat atau kebijaksanaan. Ianya bermaksud keupayaan individu untuk membezakan di antara yang hak dan batil dalam semua hal yang bersangkutan dengan perkara *ikhtiarah*.³⁶
- b. *Syajā'ah* atau keberanian. Ianya bermaksud keberanian dalam mengawal kemarahan yang meluap-luap dan keberanian itu mampu ditundukkan dengan penguasaan akal dalam menentukan samada

kemarahan tersebut boleh diteruskan ataupun ianya wajar untuk dihentikan.

- c. Kebersihan jiwa. Ianya bermaksud mengawasi tuntutan nafsu syahwat agar ianya tunduk dengan kehendak syarak dan akal.
- d. Keadilan. Ianya bermaksud suatu kekuatan dalam jiwa yang dapat mengatasi sifat marah dan kemahuan syahwat, lalu membimbing keduanya ke arah kebijaksanaan serta menentukan bila masanya boleh diikutkan dan bila pula harus dikekang dari berlaku menurut hal dan keadaan yang dihadapinya.³⁷

Apabila manusia mampu untuk menguasai keempat – empat perkara di atas maka mengikut pandangan Imam al-Ghazālī mereka akan dapat melengkapkan diri mereka dengan akhlak yang mulia.

Imam al-Ghazālī turut menolak pandangan golongan yang menyatakan bahawa akhlak manusia itu tidak boleh diubah dengan alasan bahawa tabiat semula jadi manusia tidak mungkin berubah-ubah. Dakwaan yang sedemikian disangkal oleh beliau dengan memberikan beberapa contoh. Penulis akan membawakan satu contoh sahaja di dalam penulisan ini sebagai hujah bahawa akhlak manusia itu boleh berubah dengan daya usaha yang dilakukannya sendiri melalui latihan diri ataupun mengikut istilah Imam al-Ghazālī sebagai *Riādhah ai-Nafsi*.³⁸ Contoh yang begitu mudah telah beliau nyatakan dengan memberikan perumpamaan seekor kuda. Kuda pada asalnya merupakan seekor binatang yang degil dan agresif. Tetapi ianya mampu dijinakkan oleh manusia melalui didikan

dan asuhan yang betul daripada pengasuhnya, maka akhirnya kuda tersebut menjadi seekor binatang yang patuh dan menurut sahaja kehendak tuannya.³⁹

Bagi membiasakan diri dengan akhlak mulia Imam al-Ghazālī telah memberikan saranannya iaitu dengan memaksa diri melakukan perbuatan-perbuatan yang dikehendaki oleh budi pekerti yang mulia.⁴⁰ Sebagai contohnya jika seseorang itu ingin melengkapkan dirinya dengan akhlak pemurah, maka caranya ialah dia memaksa dirinya mencontohi perbuatan seorang yang pemurah seperti membelanjakan harta bendanya tanpa rasa kedekut. Sifat tersebut hendaklah dilakukan secara paksa terhadap dirinya sehingga ia menjadi kebiasaan di samping sentiasa menolak kehendak hawa nafsu yang sentiasa melarangnya daripada membelanjakan hartanya ke jalan Allah (s.w.t.). Akhirnya sifat yang sedemikian akan menjadi sifat semulajadi dalam dirinya dan pada ketika itu sifat pemurah telah menjadi sebahagian daripada akhlaknya.

Namun demikian Imam al-Ghazālī tidak menafikan bahawa kadang-kadang kedapatan kes-kes tertentu yang memang anugerah daripada Allah (s.w.t) manusia itu dapat berakhlik dengan akhlak Islam walaupun tanpa melalui proses latihan diri. Ini terbukti dengan pengakuan beliau apabila beliau menyatakan bahawa ada manusia yang dilahirkan telah mempunyai budi pekerti yang baik sebagai fitrahnya di mana tidak memerlukan kepada pendidikan dan pengajaran seperti Nabi ‘Isa, Nabi Yahya dan para nabi yang lain dan ia merupakan keistimewaan. Sedangkan manusia yang lain hanya mencapai budi pekerti yang baik jika dia berusaha ke arah itu di mana hanya sedikit anak-anak yang dilahirkan

dalam keadaan mereka itu benar fasih berbicara, pemurah dan berani. Kadang-kadang berlaku pula sebalik daripada itu.⁴¹

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada perbincangan di atas ialah akhlak manusia itu sebenarnya sentiasa boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian masa dan tempat. Namun demikian bagi menjamin seseorang itu sentiasa dapat berakhlik dengan akhlak Islam maka hendaklah dia menempuh jalan yang berlawanan dengan kehendak hawa nafsu dan kecenderungan jiwa.⁴² Kaedah yang sedemikian adalah bertepatan dengan firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi :

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى ﴿٤١﴾ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمُأْوَى

Surah al-Nazi'aat (79) : 40 – 41.

Maksudnya :

« Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran TuhanYa dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggalnya. »

Dengan berpegang kepada apa yang dinyatakan oleh Allah (s.w.t.) sahajalah yang dapat menghindarkan diri daripada terjerumus dengan tipu daya syaitan yang sentiasa menyeru manusia ke arah kejahanatan.

2.4 AKHLAK DAN KEPENTINGANNYA KE ARAH PEMBENTUKAN PERIBADI MUSLIM DALAM ORGANISASI KETENTERAAN

Di dalam proses membina diri untuk menjadi manusia yang baik tingkah lakunya maka usaha-usaha ke arah pembentukan akhlak yang sempurna perlulah diberikan perhatian yang serius. Keperluan untuk berakhhlak mulia ini bukanlah tertumpu kepada satu-satu golongan sahaja, bahkan sebenarnya ianya merupakan keperluan sejagat yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Penulis akan cuba melihat keperluan ini berdasarkan kepada keperluan sejagat dan apabila ianya dikatakan sebagai keperluan sejagat maka organisasi ketenteraan di Malaysia yang majorotinya beragama Islam tidak terlepas daripada keperluan menghayati cara hidup dan akhlak sebagaimana yang telah diajarkan oleh Islam.

Akhhlak memainkan peranan yang begitu besar dalam kehidupan seorang muslim. Ini adalah kerana cara kehidupan yang ditonjolkan akan menzahirkan apa yang tersirat dalam diri dan jiwa mereka. Ianya bermaksud bahawa tingkah-laku manusia itu sentiasa berhubungan dengan apa yang terdapat di dalam diri mereka. Justeru itu kalau kita melihat kepada harapan yang telah diutarakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia YBhg Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak ketika berucap di Majlis Perasmian ILMI beliau memberikan pengharapan yang tinggi agar warga tentera dapat menjadi contoh tauladan kepada orang lain dengan mempunyai akhlak yang tinggi.⁴³ Ringkasnya dapatlah penulis nyatakan di sini bahawa bahawa proses untuk menjadi manusia yang baik akhlaknya bermula daripada pengislahan jiwa manusia itu terlebih dahulu di samping kesungguhan yang jitu untuk berakhhlak dengan akhlak Islam. Kesinambungan di antara dua

perkara di atas akan menghasilkan manusia yang menepati ciri-ciri akhlak yang dikehendaki oleh Islam.

Hasil daripada apa yang dinyatakan di atas penulis dapat merasakan bahawa sebenarnya ada beberapa keperluan dan kepentingan bagi individu muslim untuk menonjolkan akhlak yang bertepatan dengan kehendak Islam. Keperluan ini sebenarnya merupakan kepentingan yang mesti diterapkan dalam setiap diri individu muslim termasuk warga tentera dan ianya merupakan di antara pra-syarat untuk mendapat reda, rahmat dan pertolongan daripada Allah (s.w.t.). Di antara sebab dan faktor kenapa manusia itu perlu berakhlik dengan akhlak Islam seperti yang ingin dinyatakan oleh penulis di dalam penulisan ini ialah :⁴⁴

- a. Pembentukan akhlak manusia agar ianya menjadi baik merupakan tugas utama dan di antara penyebab perutusan nabi Muhammad (s.a.w.) kepada umat manusia.

- b. Akhlak merupakan di antara amalan yang paling berat timbangannya pada hari kiamat berdasarkan kepada hadis Rasulullah (s.a.w.) yang berbunyi :

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اثْقَلَ مَا يَوْضِعُ فِي الْمِيزَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَقْوَى اللَّهُ وَحْسَنُ الْخَلْقَ

(Hadis Riwayat Abu Daud dan Tarmizi)⁴⁵

Maksudnya :

Daripada Abi Darda, (r.a.) Telah bersabda Rasulullah (s.a.w.)
"Amalan yang paling berat timbangannya di sisi Allah (s.w.t.)
pada hari kiamat ialah takwa dan berakhlak mulia".

- c. Akhlak yang baik menjadi bonus utama di kalangan orang-orang yang beriman pada hari kiamat di dalam usaha untuk mendapat kedudukan yang lebih baik di sisi Allah (s.w.t.). Ianya bertepatan dengan hadis Rasulullah (s.a.w.) yang berbunyi :

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال قيل يا رسول الله
أي المؤمنين أفضل إيماناً؟ قال أحسنهم خلقاً

(Hadis riwayat Abu Daud, Tarmizi, Nasaa'I dan Al-Hakim)⁴⁶

Maksudnya :

Daripada Abi Hurairah (r.a.) "Rasulullah (s.a.w.) telah ditanya siapakah golongan mukmin yang paling baik imannya ? lalu dijawab oleh baginda dengan menyatakan bahawa mukmin yang baik itu ialah mereka yang mempunyai akhlak yang terbaik".

- d. Berakhlak mulia menjadi pra-syarat untuk menyelamatkan diri daripada apa neraka. Ianya berdasarkan kepada hadis Rasulullah (s.a.w.) yang berbunyi :

أَنْ بَعْضَ الْمُسْلِمِينَ قَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ فِلَانَةً
تَصُومُ النَّهَارَ وَتَقُومُ اللَّيلَ وَهِيَ سَيِّنَةُ الْخَلْقِ تَؤْذِي جِيرَانَهَا بِلِسَانِهَا قَالَ
لَا خَيْرٌ فِيهَا هِيَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ

(Hadis Riwayat Imam Ahmad dan Al-Braaz)⁴⁷

Maksudnya :

"Rasulullah (s.a.w.) telah ditanya berkenaan dengan seorang wanita yang berpuasa di siang hari dan bersolat di malam hari tetapi mempunyai akhlak yang buruk dan suka menyakiti jirannya dengan lidahnya. Lalu Rasulullah (s.a.w.) menjawab tiada kebaikan bagi dirinya dan dia merupakan di kalangan penghuni api neraka".

Sebagai individu muslim yang berkhidmat dalam organisasi tentera adalah amat wajar bagi mereka mempersiapkan diri dengan akhlak yang terpuji khususnya akhlak dengan Allah (s.w.t.) kerana sejarah telah membuktikan bagaimana Rasulullah (s.a.w.) ketika menghadapi suasana yang amat getir di medan peperangan Badar telah menyerahkan segala-galanya kepada Allah (s.w.t.) bagi menjamin kemenangan di pihak tentera Islam.⁴⁸ Ianya merupakan contoh paling mudah yang boleh diambil oleh penulis bagi membuktikan betapa pentingnya peranan akhlak dalam organisasi ketenteraan di Malaysia bagi menjamin kemenangan jika berlakunya peperangan di Malaysia. Hasil daripada kesedaran yang sedemikian maka pihak kerajaan telah menujuhkan Institut Latihan Dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) yang beroperasi di Port Dickson di mana tugas utama yang diamanahkan kepada Institut ini ialah mendidik dan

membentuk akhlak warga tentera agar ianya menepati kehendak sebagaimana yang diinginkan oleh Islam.⁴⁹

KESIMPULAN

Setelah dibuat penelitian dan pengamatan terhadap makna akhlak, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa makna akhlak itu sendiri tidak dapat lari daripada sikap atau sahsiah yang ada pada diri seseorang. Sikap yang ada pada diri individu itulah sebenarnya yang akan mencerminkan penampilan luaran terhadap individu tersebut. Apabila dalaman seseorang itu baik maka sudah pasti ianya akan menampilkan akhlak yang baik di dalam kehidupan. Begitulah juga sebaliknya jika dalaman seseorang itu tidak baik maka penampilan luarannya sudah pasti akan mencerminkan ketidakbaikan di dalam perjalanan kehidupannya.

Hasil daripada makna akhlak juga kita dapat simpulkan bahawa akhlak diri seseorang itu tidak mungkin dapat dibuat-buat kerana ianya saling berhubungan dengan jiwa seseorang. Ini adalah kerana jika jiwa individu tersebut tidak baik maka tidak mungkin ianya dapat menonjolkan akhlak dan budi pekerti yang baik. Walaupun ianya mungkin dapat dilakukan tetapi lakunan-lakunan tersebut akhirnya akan menjelaskan budi pekerti yang sebenarnya kerana tidak wujud persamaan sikap di antara luaran dan dalaman.

Perbincangan di atas juga dapat dirumuskan bahawa beramal dengan akhlak Islam sebenarnya mempunyai matlamat yang jelas iaitu jalan untuk

mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t.) Penulis begitu tertarik dengan ungkapan yang pernah dinyatakan oleh Imam Al-Ghazālī di dalam tulisannya yang berbunyi « *Akhhlak buruk itu merupakan racun yang membunuh, kehancuran yang jelas, kehinaan yang nyata, kekejadian yang akan menjauahkan diri daripada Allah (s.w.t.) dan akhirnya akan terperangkap dengan petunjuk dan jalan syaitan.* Manakala akhlak yang baik pula sebenarnya merupakan pintu-pintu hati yang akan membawa seseorang itu mendapat kenikmatan syurga dan mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah (s.w.t.). »⁵⁰ Oleh yang demikian pembentukan akhlak yang baik sudah semestinya melibatkan pembentukan akidah yang sinonim dengan ajaran dan suruhan Allah (s.w.t.) Walaupun di dunia ini seseorang itu mempunyai kedudukan yang tinggi di mata masyarakat tetapi kehidupan sehariannya banyak berlaku percanggahan dengan apa yang diajar oleh Islam maka ia tetap tidak tergolong ke dalam golongan-golongan yang direhui oleh Allah (s.w.t.) dan mereka tetap dianggap sebagai golongan yang tidak berakhlik..

Manakala pemikiran Barat pula menganggap bahawa moral atau etika itu adalah dinilai daripada tingkah laku dan tatacara kehidupan seseorang iaitu penilaian dari segi luaran sahaja dan ianya tidak ada hubungkait dengan kepercayaan agama. Mereka tidak menitik beratkan nilai-nilai keagamaan dalam pengertian atau pandangan mereka terhadap pembentukan moral.⁵¹ Sebenarnya inilah sebahagian daripada penyelewengan agama yang telah dilakukan oleh pihak barat. Mereka cuba untuk menjauahkan diri dan mengasingkan agama di dalam kehidupan mereka. Inilah hakikat yang ingin dinyatakan Muhammad Qutb di dalam tulisannya bagi membuktikan penyelewengan mereka di mana beliau menyatakan bahawa “ *Sebenarnya moral orang Eropah keseluruhannya bersumber dari agama. Di sana tidak ada sumber moral yang sebenarnya*

*melandkan ianya datang dari agama. Setelah kepercayaan manusia menyeleweng dari kebenaran agama maka moralnya juga turut akan menyeleweng.*⁵²

NOTA HUJUNG

- 1 Imām Ahmad (1979), *kitāb Musnād Imam Aḥmad*. Dār-al-jayl, Kaherah : j. 2. h. 381.
- 2 Dr. Teuku Iskandar (1986), *Kamus Dewan cet. 3*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 17.
- 3 Joyce M. Hawkins (1997), *Kamus Dwi Bahasa Oxford Fajar*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 3.
- 4 Hasan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*. Kuala Lumpur: Piramid Perdana Sdn Bhd, h. 20.
- 5 Hj Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd, h. 32.
- 6 Yang Kasim (1999), *Minerva Kamus Dwi Bahasa*. Kuala Lumpur: Zafar Sdn Bhd, h. 10.
- 7 Arbak Othman (1999), *Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 8.
- 8 Drs. H. Anwar Masy'ari (1990), *Akhlik al-Qurān*. Surabaya : PT Bina Ilmu, h. 4.
- 9 al-Imam al-'Allāmat Abū Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad b. Mukri ibn Manzūr (t.t.), *Lisān al-'Arab* j.10. Beirut : Dār al-Sadīr, h. 85 – 87.
- 10 Jamīl Saliba, (Dr.), (1982), *Al-M'ujam Al- Falsafī*, j. 1. Beirut : Dār al-Kitāb al-Lubnāni, h. 539.
- 11 Majm‘a al-Lughāt al-Arabiyyāt (1972), *M'ujām Al-Wasīt* j. 2 cet. 2. Mesir : Dār al-M'ārif, h. 252.
- 12 ‘Umar Muḥammad al-Tūmi al-Syaibāni, Dr., (1975), *Falsafāt Al Tarbiyyāt Al-Islamiyyāt* Tarabalūs : al-Syarikāt al-'Ammān li-Nassr wa al-Tauz'i wa al-'Ilān, h. 226.
- 13 al-Jazairi, al-Syakh Abū Bakr (1978), *Minhāj al-Muslim*, Dār al-Qurān. Kāherah , h. 193.
- 14 Haron Din, (Dr.), (1988), *Manusia dan Islam*. c. 3 . Kuala Lumpur : Hizbi Marketing Sdn. Bhd, h. 140.
- 15 *Ibid.*, h. 141.

-
- 16 Jabatanarah KAGAT (1989), *Pengetahuan Agama Islam ATM*. Kuala Lumpur : h. 122.
- 17 Abū Bakar Jabīr al-Jazairī (1996), *Pedoman Hidup Muslim*. Drs. Hasanuddin (terj.), Kuala Lumpur : Victory Agencie, h. 233.
- 18 Mustafa Daud (1990), *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: h. 70.
- 19 Contoh yang paling mudah untuk kita lihat ialah pemahaman fikiran manusia yang beranggapan bahawa menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan dengan melakukan persembahan-persembahan hiburan yang bercampur aduk di antara lelaki dan perempuan bukanlah merupakan kesalahan kerana niat mereka betul untuk menolong orang yang dalam kesusahan dan ianya dianggap perkara yang bermoral dan beretika. Namun mengikut perkiraan agama ianya merupakan perkara yang tidak berakhlek kerana di sana terdapatnya perkara-perkara yang menyalahi agama dan ianya tetap dianggap tidak berakhlek walaupun mereka bertujuan baik untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.
- 20 Dr. Haron Din (1988), *op.cit.*, h. 148.
- 21 Pengetahuan Agama Islam ATM (1989), *op.cit.*, h. 122.
- 22 Kor Agama Angkatan Tentera (1992), *Profesyen Ketenteraan Dan Bimbangan Rohani Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Sinaran Bros. Sdn. Bhd. h. 68.
- 23 Dr. Haron Din (1988), *op.cit.*, h. 141.
- 24 *Ibid.*
- 25 Fakta ini dapat dilihat dengan jelas sebagai contohnya dalam masalah arak. Dalam agama Kristian sendiri tidak pernah menghalalkan arak tetapi ianya tidak diambil berat oleh penganutnya kerana arak sudah menjadi amalan biasa di dalam masyarakat mereka. Maka hasil daripadanya arak tidak lagi dianggap sebagai perkara yang boleh meruntuhkan akhlak sebaliknya menjadi minuman kebanggaan dan harian bagi mereka. Makin mahal harganya makin ianya menjadi kebanggaan.
- 26 Ḥayā binti Mubārik al-Bārik (1999), *Ensiklopedia Wanita Muslimah*. Khairul Husni (terj.), Kuala Lumpur : Pustaka jiwa Sdn. Bhd. h. 165.
- 27 al-Ghazālī , Abū Ḥamīd Muhammad (1992), *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn* Kitab Riyādah al-nafs wa Tahzīb al-Akhlāq. Dār al-Hadīth, Kāherah, j. 3 h. 86. Lihat juga Al-Ghazālī , Abū Muhammad (1995), *Bimbangan Mukminin*. Syed Ahmad Samit (terj.), cet. 4. Singapura : Pustaka Nasional, h. 438.

-
- 28 *Ibid.*, j. 3. h. 86. Lihat juga *Bimbingan Mukminin*, h. 438.
- 29 Mohd Nasir Omar (1992), *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Islam dan barat*. cet. 2. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, h.24.
- 30 al-Ghazālī (1992), *Ihya*, *op.cit.*, j. 3. h.90.
- 31 *Ibid.*, j. 3. h. 85 - 86.
- 32 *Ibid.*
- 33 *Ibid.*
- 34 *Ibid.*
- 35 *Ibid.*, j. 3. h. 88.
- 36 Ianya bermaksud perbuatan yang dilakukan oleh individu tertentu dengan pilihan sendiri tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak.
- 37 *Bimbingan Mukminin*. *op.cit.*, h. 439.
- 38 Dalam kitab *Ihyā*, karangan Imam al-Ghazālī beliau telah membuat satu bab yang khusus bagi membicarakan perkara yang berkaitan dengan akhlak. Bab tersebut dinamakan kitab *Riādah al-Nafsi* yang bermaksud Bab Melatih Jiwa.
- 39 al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3. h. 90 .
- 40 *Bimbingan Mukminin* *op.cit.*, h. 446.
- 41 al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3. h. 94.
- 42 *Bimbingan Mukminin* , *op.cit.*, h. 451.
- 43 *ILMI Institut Tarbiyah Anggota Tentera*. Berita Harian bertarikh 30 Julai 2003.
- 44 Abdul Karīm Zaidān (Dr) (1993), *Usūl Dakwāh*. c. 3. Beirūt : Muassah al-Risālah, h. 81.Lihat juga Fathī Yakan (1990), *Apa Erti Saya Menganut Islam*. c.3. Abdul Rahmān Abdulllah (terj.), Kedah: Pustaka Dar al-Salām, h. 67.
- 45 Sunān Abī Daūd (1978), Dār *Ihyā*, al-Sunnah al Nabawiyyah, Kāherah, j. 4. h. 253. Lihat juga Sunan al-Tirmizi (1977), Dār al-Kuthb, Lubnan, j. 5. h. 159 di dalam bab al-bir wa al-silah hadis yang ke 1926. Lihat juga Sunan Abī Daūd di dalam bab al-adab, hadis yang ke 4166. Lihat juga Musnad Imām Ahmad (1979), *kitāb Musnād Imām Aḥmad* Dār al-jayl,

-
- Kaherah : j. 4. h. 1292. di dalam bab Musnād al-qabāl, hadis yang ke 26245. Di dalam Sunān Ibn Mājah pula telah diriwayatkan hadis yang bermaksud : Nabi pernah ditanya apakah amalan yang banyak membawa tuannya ke Syurga ? Jawab baginda : ketakwaan dan akhlak yang baik. Lihat Ibn Mājah, Sunān Ibn Mājah Dār al-Fikr, Beirūt: j. 2. h. 1418.
- 46 Sunān Ibn Mājah (1979), Dār al-Fikr, Beirūt: j. 5. h. 2092. di dalam bab al-zuhud hadis yang ke 4249. Lihat juga Musnad Imām Ahmad di dalam bab Musnad al-kuffiyin hadis yang ke 17728. Hadis ini juga terdapat di dalam kitab Sunān al-Tarmizi di dalam bab al-rodha' hadis yang ke 10820. Kita juga boleh dapati hadis yang sama di dalam kitab Sunān Abī Daūd di dalam bab al-Sunnah hadis yang ke 4062.
- 47 *Ibid*. Musnad Imām Ahmad (1979), Kaherah: j.5 h. 1143 di dalam bab baqi Musnad al-Mukathsirin hadis yang ke 9298.
- 48 Sofyu al-Rahmān al-Mubārak Fūri (1991), Manṣurah. *Raḥīq al Makhtūm*. : Dār al-Wafa, li tobā'ah wa al-Nasyri wa al-tauzī', h. 255.
- 49 *ILMI Pusat Pembangunan Rohani ATM*. Utusan Malaysia bertarikh 7 Jun 2003 h. 19.
- 50 al-Ghazālī (1992) *op.cit.*, j. 3. h.79.
- 51 Contoh paling mudah yang boleh diberikan oleh penulis ialah kes skandal seks yang berlaku di antara bekas Presiden Amerika Bill Clinton dengan Monica Lewinsky. Walaupun mereka telah melakukan perbuatan yang menyalahi agama namun mereka masih dianggap bermoral kerana kebebasan seks merupakan amalan biasa di barat. Fenomena yang sedemikian jelas bertentangan dengan kefahaman akhlak menurut perspektif Islam.
- 52 Muhammad Qutb (1989), *Jahiliyyah Abad Dua Puluh Mengapa Islam di Benci*. Abdul Aziz b. Ismail (terj.) Kuala Lumpur : Victory Agency Mizan Sdn.Bhd., h. 196.